



CUKAI JUALAN 2018

**PANDUAN
SKIM PENGEKSPORT UTAMA
DILULUSKAN
(AMES)**

Diterbitkan oleh:

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN)
Putrajaya
29 Mac 2024**

Penerbitan

Tarikh: 29 Mac 2024

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Jualan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

1. PENGENALAN	1
2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG DIGUNAPAKAI	1
3. TERMINOLOGI	1
4. FAEDAH PELAKSANAAN	3
5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN	3
6. KONSEP PELAKSANAAN	5
7. PROSEDUR PERMOHONAN	6
8. SYARAT-SYARAT KELULUSAN	7
9. PENGECCUALIAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI JUALAN.....	9
10. BARANG YANG TIDAK LAYAK BAGI PENGECCUALIAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI JUALAN	11
11. TEMPOH KELULUSAN	11
12. MASA PENGECCUALIAN BERKUAT KUASA	12
13. PINDAAN MAKLUMAT BARANG-BARANG YANG TELAH DILULUSKAN, PERUBAHAN ALAMAT PREMIS/ KILANG DAN SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT PERNIAGAAN	12
14. PROSEDUR PERMOHONAN PEMBAHARUAN.....	13
15. SUBKONTRAK	13
16. JUALAN BARANG BERCUKAI OLEH AMES PEDAGANG.....	14
17. PENGILANGAN BARANG SIAP TIDAK BERCUKAI DAN BARANG SIAP BERCUKAI.....	14
18. PELUPUSAN	15
19. EKSPORT MELALUI PIHAK KETIGA.....	15
20. PEMULANGAN BARANG UNTUK DIPROSES SEMULA, DIBAIKI ATAU APA- APA TUJUAN LAIN YANG DIBENARKAN.....	16
21. TANGGUNGJAWAB AMES PEDAGANG DAN AMES PENGILANG	16
22. KAEDAH BAYARAN	17
23. PERUBAHAN, PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN KELULUSAN.....	17
24. KEBAKARAN, BENCANA ALAM, KECURIAN DAN KEHILANGAN	18
25. KES SIVIL DAN PENGGULUNGAN SYARIKAT	18

26. LAMPIRAN.....	19
PERTANYAAN	20
MAKLUMAT DAN PERTANYAAN LANJUT MENGENAI CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN	20

1. PENGENALAN

- 1.1 Selaras dengan matlamat untuk meningkatkan daya saing pedagang barang bercukai dan pengilang barang siap tidak bercukai yang berorientasikan eksport di Malaysia, kerajaan telah memperkenalkan Skim Pengeksport Utama Diluluskan (AMES) di bawah seksyen 61A Akta Cukai Jualan 2018 (ACJ 2018) yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2020.
- 1.2 AMES membenarkan mana-mana orang yang diluluskan untuk dikecualikan daripada pembayaran keseluruhan cukai jualan yang dikenakan dan dilevikan ke atas barang bercukai yang diimport atau diangkut dari kawasan ditetapkan atau kawasan khas atau dibeli / diperoleh daripada pengilang berdaftar tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
- 1.3 Panduan ini disediakan untuk membantu syarikat dalam memahami AMES selaras dengan dasar dan undang-undang yang berkaitan dengan cukai jualan.

2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG DIGUNAPAKAI

Undang-undang yang berhubung dengan AMES adalah Seksyen 61A Akta Cukai Jualan 2018 dan Bahagian IXA, Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2020.

3. TERMINOLOGI

Terminologi yang digunakan di dalam panduan ini adalah seperti berikut:

- 3.1 AMES Pedagang : Pedagang yang telah diluluskan di bawah AMES
- 3.2 AMES Pengilang : Pengilang yang telah diluluskan di bawah AMES

- 3.3 Barang siap tidak bercukai : Barang yang tersenarai di dalam Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan Daripada Cukai) 2018.
- 3.4 Kawasan ditetapkan : Labuan, Langkawi, Pangkor dan Tioman.
- 3.5 Kawasan khas : Mana-mana zon bebas, gudang berlesen, gudang pengilangan berlesen, kawasan pembangunan bersama dan pangkalan bekalan petroleum yang dilesenkan di bawah Seksyen 77B Akta Kastam 1967.
- 3.6 Mengilang : Berhubung dengan barang selain petroleum, penukaran secara manual atau mekanikal bahan-bahan organik atau bukan organik kepada suatu produk baharu dengan mengubah saiz, bentuk, komposisi, sifat atau kualiti bahan-bahan itu termasuklah pemasangan bahagian-bahagian ke dalam suatu jentera atau produk lain, tetapi tidak termasuk pemasangan jentera atau kelengkapan bagi maksud pembinaan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3 ACJ 2018.
- 3.7 Portal MySST : Laman web rasmi cukai jualan dan cukai perkhidmatan
- 3.8 Pedagang : Orang yang menjalankan aktiviti perniagaan (*trading*) iaitu mengimport/ membeli barang bercukai dan mengeksport/ menjual barang tersebut.
- 3.9 Pengilang : Orang yang menjalankan aktiviti pengilangan barang siap tidak bercukai.

3.10 Pengilang berdaftar : Pengilang yang didaftarkan di bawah ACJ 2018.

4. FAEDAH PELAKSANAAN

Di antara faedah pelaksanaan AMES adalah:

- 4.1 Pedagang yang diluluskan layak mendapat pengecualian daripada pembayaran cukai jualan sepenuhnya di peringkat pengimportan, pengangkutan atau pembelian/ perolehan ke atas barang bercukai.
- 4.2 Tiada sekatan bagi pedagang dan pengilang untuk membawa masuk semula barang yang telah dieksport ke dalam Malaysia bagi tujuan yang dibenarkan.
- 4.3 Pengilang yang diluluskan tidak perlu membuat pengasingan kuantiti ke atas barang yang diluluskan, yang hendak diimport, diangkut atau dibeli/ diperoleh di peringkat *upfront* (input pengilangan) dan digunakan dalam pengilangan barang siap tidak bercukai sama ada untuk pasaran eksport atau tempatan.

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

5.1 Syarat-syarat kelayakan permohonan adalah seperti berikut:

5.1.1 Pedagang

- (i) Telah beroperasi di Malaysia sekurang-kurangnya satu tahun;
- (ii) Mempunyai nilai jualan tahunan barang bercukai melebihi RM10 juta pada masa permohonan dibuat; dan

- (iii) Sekurang-kurangnya 80 peratus daripada nilai jualan tahunan barang bercukai itu adalah jualan yang dieksport atau diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas.

5.1.2 **Pengilang**

- (i) Telah beroperasi di Malaysia sekurang-kurangnya satu tahun;
- (ii) Nilai jualan tahunan barang siap tidak bercukai yang dikilangkan melebihi RM10 juta pada masa permohonan dibuat; dan
- (iii) Sekurang-kurangnya 80 peratus daripada nilai jualan tahunan barang siap tidak bercukai yang dikilangkan itu adalah jualan yang dieksport atau diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas.

5.1.3 **Pedagang dan pengilang**


Pedagang yang juga pengilang mestilah memenuhi salah satu syarat yang ditetapkan di perenggan 5.1.1 atau 5.1.2. Kombinasi nilai jualan tahunan di antara barang bercukai dan barang siap tidak bercukai bagi kelayakkan pedagang dan pengilang adalah tidak dibenarkan.

5.1.4 **Mana-mana orang sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.**

Menteri boleh meluluskan mana-mana orang di bawah skim ini.


6. KONSEP PELAKSANAAN

- 6.1 Secara prinsip, AMES pedagang hendaklah mengeksport atau mengangkut ke (*transported to*) kawasan ditetapkan atau kawasan khas sekurang-kurangnya 80 peratus daripada nilai jualan tahunan barang bercukai.
- 6.2 Manakala AMES pengilang hendaklah mengeksport atau mengangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas sekurang-kurangnya 80 peratus daripada nilai jualan tahunan barang siap tidak bercukai yang dikilangkan.
- 6.3 Ilustrasi pelaksanaan AMES pedagang adalah seperti gambarajah di bawah:



Rajah 1: Ilustrasi AMES Pedagang

6.4 Ilustrasi pelaksanaan AMES pengilang adalah seperti gambarajah di bawah



Rajah 2: Ilustrasi AMES Pengilang

7. PROSEDUR PERMOHONAN

7.1 Permohonan AMES hendaklah menggunakan borang permohonan AMES-01 seperti di **Lampiran 1** yang boleh dimuat turun melalui portal MySST.

7.2 Borang permohonan hendaklah dikemukakan berserta dokumen berikut:

- Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- Salinan lesen premis perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan;

- (iii) Salinan Borang Teras (*Super Form*) atau Borang 24, 44 dan 49 yang dikeluarkan oleh SSM;
 - (iv) Salinan penyata kewangan tahunan terkini yang diaudit oleh juruaudit bebas dan bertauliah;
 - (v) Laporan pengurusan syarikat (*company's management report*) yang mengandungi maklumat jualan tahunan; dan
 - (vi) Perakuan formula daripada pegawai teknikal syarikat ke atas nisbah penggunaan input pengilangan ke atas penghasilan seunit barang siap (*output*) dan sertakan contoh cara pengiraan pembayaran balik cukai jualan berdasarkan nisbah ini bagi jualan tempatan.
- 7.3 Permohonan bagi kategori pedagang yang juga pengilang hendaklah dibuat secara berasingan.
- 7.4 Bagi syarikat yang mempunyai lebih daripada 1 cawangan atau lokasi perniagaan, hanya premis perniagaan/ kilang yang utama perlu membuat permohonan AMES.
- 7.5 Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan melalui e-mel ke negeri mengawal berdasarkan poskod alamat premis utama syarikat beroperasi.
- 7.6 Penentuan negeri mengawal dan senarai emel adalah seperti di **Lampiran 2**.

8. SYARAT-SYARAT KELULUSAN

Mana-mana orang yang telah diluluskan di bawah AMES hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 8.1 Apa-apa pengimportan, pengangkutan dan pengeksportan barang hendaklah diisytiharkan oleh orang yang diluluskan dalam borang yang ditetapkan di bawah Akta Kastam 1967 atau apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- 8.2 Menyimpan rekod atau akaun yang lengkap dan benar berhubung dengan barang yang diimport, diangkut, dibeli, dieksport dan dijual di bawah skim ini untuk tempoh tujuh (7) tahun dari tarikh terakhir yang berhubung dengan rekod itu dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris;
- 8.3 Sistem perakaunan dan kawalan dalaman syarikat memenuhi standard pengakaunan dan pengauditan;
- 8.4 Memberitahu melalui notis secara bertulis kepada negeri mengawal dalam tempoh 14 hari selepas berlaku sebarang perubahan butir-butir perniagaan orang yang diluluskan itu;
- 8.5 Bagi pedagang, barang bercukai hendaklah dieksport atau diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas dalam tempoh enam (6) bulan atau sebarang tempoh yang diluluskan oleh Ketua Pengarah dari tarikh pengimportan, pengangkutan atau pembelian/ perolehan;
- 8.6 Bagi pengilang, barang siap tidak bercukai yang dihasilkan daripada bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan yang dikecualikan cukai hendaklah dieksport atau diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pengimportan, pengangkutan atau pembelian/ perolehan atau sebarang tempoh yang diluluskan oleh Ketua Pengarah;
- 8.7 Menyediakan penyata yang berhubung dengan skim ini mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan

mengemukakan penyata itu untuk pemeriksaan sekiranya dikehendaki oleh pegawai kanan cukai jualan pada bila-bila masa;

8.8 Sekiranya orang yang diluluskan tidak mematuhi apa-apa syarat yang telah ditetapkan, cukai jualan yang dikecualikan itu hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar. Pembayaran hendaklah dibuat melalui AMES-02 tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya selepas bulan di mana cukai jualan genap masa dan kena dibayar; dan

8.9 Lain-lain syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah.

9. PENGECUALIAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI JUALAN

Pedagang atau pengilang yang diluluskan di bawah AMES boleh dikecualikan daripada pembayaran cukai jualan ke atas barang bercukai yang diimport atau diangkut dari kawasan ditetapkan atau kawasan khas atau dibeli/ diperoleh dari pengilang berdaftar dan pengecualian itu hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

9.1 Orang yang diluluskan itu adalah seorang **pedagang**

9.1.1 Barang bercukai itu diimport secara langsung atau diangkut dari kawasan ditetapkan atau kawasan khas atau dibeli/ diperoleh daripada pengilang berdaftar;

9.1.2 Barang bercukai itu hendaklah tidak digunakan atau dilakukan apa-apa proses tambah nilai;

9.1.3 Barang bercukai itu seterusnya dieksport atau diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas oleh pedagang itu; dan

9.1.4 Barang bercukai itu hendaklah tidak dilupuskan selain daripada cara pelupusan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, tidak dijual dalam negara atau tidak diakaunkan melainkan cukai jualan yang dikecualikan ke atas barang bercukai itu dibayar kepada Ketua Pengarah.

- 9.2 Orang yang diluluskan adalah seorang **pengilang**:
- 9.2.1 Bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan hendaklah diimport atau diangkut dari kawasan ditetapkan atau kawasan khas atau dibeli/diperoleh daripada pengilang berdaftar secara terus oleh pengilang;
 - 9.2.2 Bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan hendaklah digunakan oleh pengilang secara langsung dan semata-mata dalam pengilangan barang siap tidak bercukai;
 - 9.2.3 Barang siap tidak bercukai yang dikilangkan hendaklah dieksport atau diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas oleh pengilang;
 - 9.2.4 Bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan hendaklah tidak dilupuskan selain daripada cara pelupusan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, tidak digunakan selain daripada tujuan pengilangan barang siap tidak bercukai, tidak dijual dalam negara atau tidak diakaunkan melainkan cukai jualan yang dikecualikan ke atas barang tersebut dibayar kepada Ketua Pengarah; dan
 - 9.2.5 Barang siap tidak bercukai yang telah dikilangkan hendaklah tidak dilupuskan selain daripada cara pelupusan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, tidak dijual dalam negara atau tidak diakaunkan melainkan cukai jualan yang dikecualikan ke atas bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan yang digunakan dalam pengilangan barang siap tidak bercukai berkenaan dibayar kepada Ketua Pengarah.
- 9.3 Orang yang diluluskan adalah seorang **pedagang yang juga pengilang**:
- 9.3.1 mematuhi syarat-syarat pengecualian AMES yang ditetapkan bagi pedagang di perenggan 9.1; dan

9.3.2 mematuhi syarat-syarat pengecualian AMES yang ditetapkan bagi pengilang di perenggan 9.2.

10. BARANG YANG TIDAK LAYAK BAGI PENGEQUALIAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI JUALAN

10.1 Barang yang berikut tidak layak untuk pengecualian daripada pembayaran cukai jualan di bawah AMES:

- (i) Wain, spirit, bir dan minuman keras malta;
- (ii) Rokok, tembakau dan hasil tembakau; dan
- (iii) Petroleum.

10.2 Selain daripada barang di atas, barang-barang yang tiada dalam senarai kelulusan adalah tidak layak mendapat pengecualian daripada pembayaran cukai jualan.

11. TEMPOH KELULUSAN

11.1 Kelulusan yang diberikan di bawah AMES adalah sah untuk tempoh dua (2) tahun atau apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

11.2 Sebarang aktiviti pengimportan atau pengangkutan dari kawasan ditetapkan atau kawasan khas atau pembelian/ perolehan daripada pengilang berdaftar yang menggunakan surat kelulusan AMES yang telah tamat tempoh adalah tidak dibenarkan dan menjadi satu kesalahan. Walau bagaimanapun, aktiviti pengeksportan atau diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas adalah dibenarkan.

12. MASA PENGECUALIAN BERKUAT KUASA

- 12.1 Pengecualian daripada pembayaran cukai jualan di bawah AMES berkuatkuasa apabila surat kelulusan AMES yang sah dikemukakan kepada pegawai kastam yang hak semasa pengimportan atau pengangkutan dari kawasan ditetapkan atau kawasan khas atau pembelian daripada pengilang berdaftar.
- 12.2 Nombor kelulusan AMES hendaklah dinyatakan dalam borang kastam no.1, borang kastam no.9 atau dalam invois pembekal (pengilang berdaftar) bagi pembelian tempatan.
- 12.3 Pengimport hendaklah mengikrar pengimportan atau pengangkutan dari kawasan ditetapkan atau kawasan khas dengan *Transaction Type* "X" dengan *Sales Tax Exemption type* "AM" dalam Sistem Maklumat Kastam (SMK).
- 12.4 Semua borang kastam no.1, borang kastam no.9, invois, *bill of lading* atau *airway bill* hendaklah atas nama orang yang diluluskan di bawah AMES sahaja.

13. PINDAAN MAKLUMAT BARANG-BARANG YANG TELAH DILULUSKAN, PERUBAHAN ALAMAT PREMIS/ KILANG DAN SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT PERNIAGAAN

- 13.1 AMES pedagang atau AMES pengilang dikehendaki membuat permohonan secara bertulis sekiranya ingin melakukan sebarang pindaan, penambahan atau pengurangan ke atas maklumat barang-barang yang telah diluluskan sebelum pengimportan, pengangkutan atau pembelian/ perolehan dilakukan.
- 13.2 Syarikat juga hendaklah memaklumkan mengenai apa-apa perancangan untuk memindahkan premis atau kilang secara bertulis

kepada negeri mengawal yang asal dengan menyatakan tarikh perpindahan dan alamat tempat beroperasi yang baharu.

- 13.3 Tindakan yang sama perlu diambil sekiranya berlaku sebarang perubahan berkaitan dengan pentadbiran/ pengurusan syarikat. Contohnya: perubahan nama syarikat atau pertukaran pengarah syarikat.
- 13.4 Permohonan pindaan tersebut hendaklah dihantar melalui emel kepada negeri mengawal.

14. PROSEDUR PERMOHONAN PEMBAHARUAN

- 14.1 Permohonan bagi memperbaharui AMES boleh dibuat dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh tamat kelulusan yang terdahulu.
- 14.2 Permohonan bagi memperbaharui AMES hendaklah dibuat seperti prosedur permohonan AMES di para 7 panduan ini.

15. SUBKONTRAK

- 15.1 AMES pengilang dibenarkan untuk menghantar bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan yang diimport, diangkut, dibeli/ diperoleh dengan pengecualian AMES atau barang separuh siap kepada syarikat subkontraktor untuk dikilangkan sebahagiannya.
- 15.2 Walau bagaimanapun, AMES pengilang masih perlu menjalankan sebahagian daripada aktiviti pengilangan barang siap tidak bercukai tersebut bagi memenuhi syarat-syarat pengecualian daripada pembayaran cukai jualan berhubung dengan pengilang di perenggan 9.2.2

16. JUALAN BARANG BERCUKAI OLEH AMES PEDAGANG

- 16.1 Apa-apa barang bercukai yang diimport, diangkut atau dibeli/ diperolehi dengan pengecualian AMES, hendaklah dieksport atau diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas.
- 16.2 Sekiranya barang bercukai tersebut dijual ke pasaran tempatan, cukai jualan yang terlibat hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar.
- 16.3 Pembayaran cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar hendaklah menggunakan borang AMES-02 seperti di **Lampiran 3**. Penyata pengiraan pembayaran balik cukai jualan bagi penjualan tempatan barang bercukai adalah menggunakan borang AMES-03A seperti di **Lampiran 4**.
- 16.4 Borang AMES-02 dan borang AMES-03A boleh dimuat turun melalui pautan <https://mysst.customs.gov.my/>
- 16.5 AMES pedagang adalah dibenarkan untuk melakukan aktiviti pecah pukal bagi tujuan eksport secara berperingkat (*release partially*). Walau bagaimanapun sebarang aktiviti nilai tambah adalah tidak dibenarkan.

17. PENGILANGAN BARANG SIAP TIDAK BERCUKAI DAN BARANG SIAP BERCUKAI

- 17.1 Bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan yang diimport, diangkut atau dibeli/diperolehi dengan pengecualian AMES, hendaklah digunakan secara langsung dan semata-mata dalam pengilangan barang siap tidak bercukai.
- 17.2 Bagi pengilangan barang siap bercukai, pengilang hendaklah menggunakan kemudahan pengecualian yang layak dan berkaitan.

- 17.3 Sekiranya barang siap tidak bercukai yang dikilangkan oleh pengilang AMES dijual ke pasaran tempatan, cukai jualan ke atas bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan yang diimport, diangkut atau dibeli/ diperolehi dengan pengecualian AMES hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar.
- 17.4 Pembayaran cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar hendaklah menggunakan borang AMES-02 seperti di **Lampiran 3**. Penyata pengiraan pembayaran balik cukai jualan bagi penjualan tempatan barang siap tidak bercukai adalah menggunakan borang AMES-04B seperti di **Lampiran 5** dan dikemukakan bersama penyata bulanan bagi pengeksportan/ penjualan barang siap tidak bercukai menggunakan borang AMES-04A seperti di **Lampiran 6**.
- 17.5 Borang AMES-02, AMES-04A dan AMES-04B boleh dimuat turun melalui pautan <https://mysst.customs.gov.my/>

18. PELUPUSAN

- 18.1 Pelupusan semua barang yang diimport, diangkut atau dibeli/ diperolehi dengan pengecualian AMES hendaklah mendapat kelulusan daripada negeri mengawal yang berkenaan.
- 19.1 Semua cukai jualan yang terlibat hendaklah dibayar sebelum pelupusan dibuat.

19. EKSPORT MELALUI PIHAK KETIGA

Pengeksportan oleh AMES pedagang dan AMES pengilang melalui pihak ketiga adalah **tidak dibenarkan** selaras dengan subperenggan 26D (a)(iii) dan (b)(iii), Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018.

20. PEMULANGAN BARANG UNTUK DIPROSES SEMULA, DIBAIKI ATAU APA-APA TUJUAN LAIN YANG DIBENARKAN

- 20.1 Barang siap tidak bercukai yang dikilangkan atau barang bercukai yang telah dieksport atau diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas dan kemudiannya diimport/diangkut semula untuk diproses atau diperbaiki atau untuk apa-apa tujuan lain yang dibenarkan, boleh dibawa masuk semula ke Kawasan Utama Kastam.
- 20.2 Walau bagaimanapun, cukai jualan yang telah dikecualikan daripada pembayaran ke atas bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan berhubung dengan barang siap tidak bercukai atau barang bercukai yang telah dieksport dan diimport/diangkut semula itu hendaklah dibayar melainkan barang siap tidak bercukai atau barang bercukai tersebut dieksport semula.

21. TANGGUNGJAWAB AMES PEDAGANG DAN AMES PENGILANG

- 21.1 Mana-mana orang yang telah diluluskan bertanggungjawab untuk mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan.
- 21.2 AMES pedagang perlu menyediakan Penyata Bulanan Bagi Pergerakan Barang Bercukai Pedagang Di Bawah Skim Pengeksport Utama Diluluskan (AMES-03) seperti di **Lampiran 7**;
- 21.3 AMES Pengilang perlu menyediakan:
- (i) Penyata Bulanan Bagi Pergerakan Bahan Mentah, Komponen, Bahan Bungkusan Dan Pembungkusan Di Bawah Skim Pengeksport Utama Diluluskan (AMES-04) seperti di **Lampiran 8**;
 - (ii) Penyata Bulanan Bagi Pengeksportan/ Penjualan Tempatan Barang Siap Tidak Bercukai Di Bawah Skim Pengeksport Utama Diluluskan (AMES-04A) seperti di **Lampiran 6**;

- 21.4 Penyata tersebut perlu disediakan secara bulanan dan tidak perlu dihantar ke negeri mengawal tetapi pedagang atau pengilang perlu mengemukakannya pada bila-bila masa apabila diminta untuk diperiksa oleh pegawai kastam.
- 21.5 Borang-borang dalam panduan ini boleh dimuat turun melalui pautan <https://mysst.customs.gov.my/>

22. KAEDAH BAYARAN

- 22.1 Pembayaran cukai jualan sama ada penjualan tempatan, pelanggaran syarat atau pelupusan oleh AMES pedagang dan AMES pengilang boleh dibuat dengan menggunakan AMES-02.
- 22.2 AMES-02 hendaklah dikemukakan beserta dokumen berikut:
- (i) AMES-03 dan AMES-03A bagi AMES Pedagang
 - (ii) AMES-04, AMES-04A dan AMES-04B bagi AMES Pengilang
- 22.3 Pembayaran cukai jualan tersebut hendaklah dikemukakan ke negeri mengawal melalui cek atau deraf bank atas nama **Ketua Pengarah Kastam**.

23. PERUBAHAN, PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN KELULUSAN

- 23.1 Ketua Pengarah boleh mengubah syarat atau menggantung atau membatalkan kelulusan AMES pada bila-bila masa melalui notis secara bertulis, jika dia berpuas hati bahawa orang yang diluluskan itu:
- (i) mengemukakan apa-apa maklumat palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya, rekod, akaun atau penyata yang dikemukakan;
 - (ii) pada bila-bila masa terhenti daripada memenuhi apa-apa syarat kelayakan permohonan AMES;

- (iii) gagal mematuhi apa-apa syarat kelulusan AMES; atau
- (iv) gagal memperbaharui tempoh kelulusan AMES.

23.2 Ketua Pengarah juga boleh mengubah syarat atau membatalkan apa-apa kelulusan yang diberikan melalui notis secara bertulis apabila terdapat permintaan secara bertulis oleh orang yang diluluskan atau jika difikirkan patut oleh Ketua Pengarah bagi perlindungan hasil.

23.3 Orang yang diluluskan yang dibatalkan boleh memohon semula AMES selepas dua (2) tahun dari tarikh pembatalan kelulusan.

24. KEBAKARAN, BENCANA ALAM, KECURIAN DAN KEHILANGAN

24.1 Orang yang diluluskan hendaklah melaporkan sebarang kes kebakaran, bencana alam, kecurian atau kehilangan yang melibatkan barang bercukai atau bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan yang dibeli dengan pengecualian AMES atau barang dikilangkan yang dikecualikan daripada cukai jualan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kejadian.

24.2 Laporan tersebut hendaklah mengandungi butir-butir barang, kuantiti dan cukai yang terlibat beserta dengan laporan siasatan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Polis.

25. KES SIVIL DAN PENGGULUNGAN SYARIKAT

Orang yang diluluskan hendaklah memberitahu secara bertulis kepada negeri mengawal dalam tempoh empat belas (14) hari selepas berlakunya salah satu daripada perkara berikut:

- (i) Sesuatu ketetapan untuk penggulungan syarikat;
- (ii) Sesuatu perintah dibuat untuk penggulungan syarikat;
- (iii) Perlantikan pelikuidasi (*liquidator*) atau penerima (*receiver*) dibuat; dan

- (iv) Syarikat terlibat dengan apa-apa kes tuntutan sivil, muflis, penutupan perniagaan dan sebagainya.

26. LAMPIRAN

Lampiran 1	:	AMES-01 - Permohonan AMES Di Bawah Seksyen 61A, Akta Cukai Jualan 2018
Lampiran 2	:	Senarai poskod dan emel negeri mengawal
Lampiran 3	:	AMES-02 - Pembayaran Cukai Yang Dikehendaki Dibayar Di Bawah Seksyen 61A Akta Cukai Jualan 2018
Lampiran 4	:	AMES-03A - Penyata Pengiraan Pembayaran Balik Cukai Jualan Bagi Penjualan Tempatan Barang Bercukai Di Bawah AMES
Lampiran 5	:	AMES-04B - Penyata Pengiraan Pembayaran Balik Cukai Jualan Bagi Penjualan Tempatan Barang Siap Tidak Bercukai Di Bawah AMES
Lampiran 6	:	AMES-04A - Penyata Bulanan Bagi Pengeksportan/ Penjualan Tempatan Barang Siap Tidak Bercukai Di Bawah AMES
Lampiran 7	:	AMES-03 - Penyata Bulanan Bagi Pergerakan Barang Bercukai Pedagang Di Bawah AMES
Lampiran 8	:	AMES-04 - Penyata Bulanan Bagi Pergerakan Bahan Mentah, Komponen, Bahan Bungkus dan Pembungkusan Di Bawah AMES

PERTANYAAN

Sekiranya terdapat pertanyaan berkaitan dengan panduan ini sila hubungi:

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Tingkat 5&6, Tower A, Suasana PjH
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya
Malaysia

MAKLUMAT DAN PERTANYAAN LANJUT MENGENAI CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman sesawang SST: <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam
 - Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
 - Fax : 03-7806 7599
 - Email: ccc@customs.gov.my

No. rujukan untuk kegunaan JKDM:

**PERMOHONAN SKIM PENGEKSPORT UTAMA DILULUSKAN***Application for Approved Major Exporter Scheme (AMES)***DI BAWAH SEKSYEN 61A AKTA CUKAI JUALAN 2018***under section 61A of the Sales Tax Act 2018***Arahan:** Maklumat hendaklah dilengkapkan dengan jelas dan menggunakan **huruf besar** sahaja.

Sila tandakan (/) pada salah satu ruangan berkenaan.

Kategori permohonan	<input type="checkbox"/> Pertama	<input type="checkbox"/> Pembaharuan
----------------------------	----------------------------------	--------------------------------------

Sila tandakan (/) pada salah satu ruangan berkenaan.

Kategori AMES	<input type="checkbox"/> Pedagang	<input type="checkbox"/> Pengilang
----------------------	-----------------------------------	------------------------------------

BAHAGIAN A: MAKLUMAT SYARIKAT

Nama Syarikat	
Nama Perdagangan (jika ada)	
No. Pendaftaran Perniagaan (BRN)	
Jenis Perniagaan (milikan tunggal/ koperasi/ perkongsian/ Sdn Bhd/ Berhad)	
Tarikh Daftar Perniagaan	
Tarikh Mula Perniagaan	
No. Pendaftaran Cukai Jualan (jika berkaitan)	
Alamat Perniagaan	
Alamat Kilang	
Alamat Surat Menyurat (jika berlainan daripada di atas)	
No. Telefon	
emel	

LAMPIRAN 1

BAHAGIAN B: MAKLUMAT PENGARAH SYARIKAT

Bil.	Nama Pengarah	No. Kad Pengenalan/ Passport	Tarikh Dilantik

**BAHAGIAN C: MAKLUMAT BARANG DAGANGAN BERCUKAI
(UNTUK DIISI OLEH PEDAGANG SAHAJA)**

Bil.	Deskripsi Barang Dagangan	Kod Tarif Barang	Kadar Cukai (%)

Syarikat boleh menyertakan lampiran maklumat barang dengan menggunakan format di bahagian ini.

**BAHAGIAN D: MAKLUMAT JUALAN TAHUNAN SYARIKAT –
(UNTUK DIISI OLEH PEDAGANG SAHAJA)**

* untuk barang yang dimohon di bahagian C sahaja

	Nilai (RM)	Peratus (%)
a	Nilai Jualan Tahunan Barang Bercukai	-
b	Eksport	b/a
c	Jualan ke Kawasan Ditetapkan	c/a
d	Jualan ke Kawasan Khas	d/a
e	Jualan Tempatan	e/a

**BAHAGIAN E: MAKLUMAT BAHAN MENTAH/ KOMPONEN/ BAHAN BUNGKUSAN DAN PEMBUNGKUSAN YANG
BERCUKAI
(UNTUK DIISI OLEH PENGILANG SAHAJA)**

Bil.	Deskripsi Bahan Mentah/ Komponen/ Bahan Bungkusan dan Pembungkusan Yang Bercukai	Kod Tarif Barang	Kadar Cukai (%)	Deskripsi Barang Siap Tidak Bercukai Dikilangkan	Nisbah penggunaan input pengilangan ke atas penghasilan seunit barang siap (output)

Syarikat boleh menyertakan lampiran maklumat barang dengan menggunakan format di bahagian ini.

LAMPIRAN 1

BAHAGIAN F: MAKLUMAT BARANG SIAP TIDAK BERBUKAI DIKILANGKAN (UNTUK DIISI OLEH PENGILANG SAHAJA)		
Bil.	Deskripsi Barang Siap Tidak Bercukai Dikilangkan	Kod Tarif
Syarikat boleh menyertakan lampiran maklumat barang dengan menggunakan format di bahagian ini.		

BAHAGIAN G: MAKLUMAT JUALAN TAHUNAN SYARIKAT (UNTUK DIISI OLEH PENGILANG SAHAJA)			
		Nilai (RM)	Peratus (%)
a	Nilai Jualan Tahunan Barang Siap Tidak Bercukai Yang Dikilangkan		-
b	Eksport		b/a
c	Jualan ke Kawasan Ditetapkan		c/a
d	Jualan ke Kawasan Khas		d/a
e	Jualan Tempatan		e/a

BAHAGIAN H: MAKLUMAT TAHUN KEWANGAN SYARIKAT		
	hh (contoh: 31)	bb (contoh: 12)
Penyata Kewangan Tahunan Berakhir Pada		

BAHAGIAN I: MAKLUMAT PEMOHON	
Nama Pemohon	
No. Kad Pengenalan	
Jawatan	
No. Telefon	
emel	
Tandatangan	

BAHAGIAN J: PENGAKUAN PEMOHON	
<input type="checkbox"/>	Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan dalam borang permohonan ini dan dokumen sokongan yang disertakan adalah benar, betul dan lengkap.

Permohonan ini perlu dikemukakan dan dihantar bersama-sama dengan dokumen sokongan yang lengkap sebagaimana yang disenaraikan dalam Senarai Semak Dokumen Permohonan Skim Pengesport Utama Diluluskan.

UNTUK KEGUNAAN JKDM SAHAJA	
Tarikh Borang Permohonan Diterima	
Tarikh Dokumen Sokongan Lengkap Diterima	
Status Permohonan	<input type="checkbox"/> Diluluskan <input type="checkbox"/> Ditolak
Tarikh Permohonan diluluskan	
No. Kelulusan AMES	
Tempoh Kelulusan AMES	

LAMPIRAN 2

BIL	NEGERI	EMEL	POSKOD									
1	PERAK	a10.sst@customs.gov.my	30000	30010	30020	30100	30200	30250	30300	30350	30450	30500
			30502	30503	30504	30505	30506	30508	30510	30512	30516	30517
